

Jenis Akhbar : *Berita Harian*
Tarikh : *01/04/2020*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 29*
Tajuk : *'Komited bantu pelanggan, koperasi terjejas'*

'Komited bantu pelanggan, koperasi terjejas'

Bank Rakyat terus komited bantu pelanggan individu, koperasi dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan oleh penularan COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Rosman Mohamed, berkata selain moratorium selama enam bulan, bank turut memperuntukkan RM200 juta bagi pembiayaan koperasi dan PKS.

Beliau berkata, peruntukan itu terbahagi kepada RM100 juta

iaitu masing-masing kepada koperasi dan PKS melalui program BizCare.

"Mereka boleh memohon pembiayaan itu antara RM50,000 hingga RM200,000 untuk setiap permohonan. Ia bagi mengurangkan bebanan PKS dan koperasi dengan menawarkan sembilan bulan penangguhan bayaran.

"Mereka boleh meneruskan aktiviti operasi tanpa bebanan bayaran setiap bulan," katanya

kepada *BH*.

Rosman berkata, Bank Rakyat juga menawarkan pendahuluan tunai kepada pemegang kad kreditnya, tertakluk kepada had kredit masing-masing.

"Pendahuluan tunai ini dalam tempoh enam bulan kerana kami menyedari 30 peratus pengguna kad kredit Bank Rakyat adalah golongan B40.

"Ia akan menjadi salah satu kemudahan kepada mereka den-

gan pembayaran kadar faedah 50 peratus lebih rendah daripada kadar faedah semasa," katanya.

Rosman berkata, Bank Rakyat juga menggunakan wang zakatnya bagi memberikan pertolongan kepada pelajar institut pengajian tinggi dan asnaf.

Bank Rakyat katanya, turut mempercepatkan pembayaran dividen kepada pemegang saham pada Ahad lalu berbanding kebiasaannya pada April setiap tahun.

Bagi operasi bank pula, beliau berkata, pihaknya turut menitikberatkan kebajikan pekerja dan hanya membenarkan 20 peratus kakitangan untuk bekerja di pejabat manakala selebihnya bekerja di rumah.

Rosman berkata, sebagai perbankan islam kedua terbesar di Malaysia, pihaknya mempunyai kemampuan untuk berdayasaing, memberikan yang terbaik selepas keadaan kembali normal.